



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP.600-/3/6 Jld 3 (2)

Tarikh : **13** Mei 2026

SEGERA

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof Dato' Dr./YAA Dato'/YB Dato' Indera/
YH Dato'/Tuan/Puan,

BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (FASA 2) TAHUN 2026 KEPADA PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas dan surat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang SUKPHG-1.100-9/1/9 Jld.11(8) bertarikh 29 Januari 2026 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang bertarikh 28 Januari 2026 telah meluluskan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2026 sebanyak dua bulan gaji berdasarkan gaji pada bulan Disember 2025. Pembayaran fasa pertama telah dibayar pada 6 Februari 2026 dan fasa kedua akan dibayar pada **3 Jun 2026**. Oleh yang demikian, Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menyemak dan memastikan semua kriteria yang dinyatakan di dalam surat edaran dipatuhi.

3. Sehubungan itu semua PTJ hendaklah mengambil tindakan menyemak Laporan Senarai Edit Pembayaran Bonus dalam Sistem iSPEKS pada **15 Mei hingga 18 Mei 2026 jam 12.30 tengah hari** berdasarkan langkah-langkah seperti berikut :

(Modul Gaji → Proses Bonus/Bantuan Khas → Kemaskini Maklumat

Bantuan Khas → Pilihan Proses: Tahun :2026 → Bulan : Mei);

4. Sekiranya terdapat amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai, PTJ hendaklah mengutip semula amaun tersebut pada gaji bulan

berikutnya. Pembayaran kepada pegawai yang tercicir boleh diproses melalui Modul Akaun Belum Bayar dengan kadar **SEGERA**. Penyata Perubahan (Kew 8) bersama dokumen sokongan yang lain hendaklah disertakan bagi pembayaran tersebut.

5. Pegawai Pengawal di peringkat PTJ hendaklah mengemukakan permohonan Waran Peruntukan Kecil Objek Sebagai 17000 kepada Seksyen Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri bagi pembayaran yang layak BKK Tahun 2026.

Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato' Sri/Sahibus Samahah Prof Dato'Dr./ YAA Dato'/YB Dato' Indera/YH Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORISMA BINTI NOOR ADNAN c.a. (M))
Akauntan Negeri
b.p Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur